

1Kclassifieds

☎ 1300 808 123

www.1k.com.my

Tip-tip

Cara beli harta lelong

- **Sebelum** membeli harta berkenaan, buatlah carian hak milik secara rasmi di pejabat tanah terbabit, lawati harta berkenaan dan pergi ke pejabat pemaaju untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.
- **Berhubung** dengan pelelong untuk perisytiharan jualan lelong dan dapatkan nasihat lanjut daripada peguam untuk mendapatkan segala maklumat.
- **Selain** itu, anda mungkin wajar meninjau sendiri hartanah itu dan mengambil gambar harta berkenaan dan datang di tempat lelongan pada masa ditetapkan.
- **Pada** hari lelongan, pembida diwajibkan membawa bersama 10 peratus daripada harga rizab harta berkenaan, sama ada dalam bentuk bank draf atau tunai. Cek tidak diterima.
- **Pembida** juga perlu membawa kad pengenalan asal dan dua salinan.
- **Jika** menjadi wakil, kedua-dua kad pengenalan asal dan surat kuasa yang membenarkan dia menjadi wakil untuk mendapatkan lelongan perlu dibawa.
- **Jika** hartanah itu berstatus Bumiputera, hanya golongan itu boleh menyertai lelongan.
- **Wakil** juga mesti membawa sedikit wang tambahan untuk membayar antara 10 peratus harga perbezaan pembelian dengan 10 peratus harga rizab (kena tambah) dan tandatangan kontak jualan.

SETIAP hari banyak notis lelongan rumah serta hartanah disiarkan di akhbar dan pasti menarik minat ramai orang, terutama mereka yang bercadang membeli rumah atau untuk tujuan pelaburan.

Rumah atau hartanah yang dilelong biasanya lebih murah berbanding harga pasaran semasa tetapi mungkin keadaan rumah atau bangunan terbabit tidak begitu sempurna dan banyak kerosakan kerana lama dibiarkan kosong.

Selain di akhbar, iklan atau notis lelongan awam hartanah juga dipamerkan di bank yang membiayai pinjaman hartanah terbabit atau di pejabat agensi lelongan.

Kebiasaannya sesebuah rumah atau hartanah dilelong kerana pemiliknya gagal menjelaskan pinjaman bank tetapi ada juga pemilik meminta agensi pelelong menjual rumah mereka kerana sebab tertentu, termasuk faktor masa.

Ada rumah yang dilelong serendah RM12,000 (berdasarkan lokasi dan jenis rumah) dan kebanyakan hartanah yang dilelong biasanya lebih murah 40 peratus berbanding harga pasaran semasa.

Selain itu, membeli rumah

RUMAH LELONG MURAH, JIMAT

lelong boleh mengelak risiko menjadi mangsa projek terbelangai kerana hartanah itu sudah siap dibina, lengkap dengan dokumen serta kemudahan di sekitarnya tetapi pembeli perlu mengeluarkan perbelanjaan bagi membaiki kerosakan.

Bank yang membiayai pinjaman rumah berkenaan juga biasanya menyediakan kemudahan pinjaman kepada bakal pembeli baru dan mungkin ada yang menawarkan pakej menarik.

Selain harga, bakal pembeli perlu menilai lokasi hartanah terbabit, jenis pegangan tanah, bayaran tunggakan yang mungkin ada seperti cukai pintu dan cukai tanah serta kenapa rumah berkenaan dilelong dan jika perlu, dapatkan nasihat peguam mengenai



keperluan yang perlu ada bagi membeli hartanah lelong bagi memudahkan urusan.

Bakal pembeli perlu menyediakan antara lima hingga 10 peratus daripada harga lelongan yang perlu dijelaskan pada hari lelongan manakala bakinya dalam tempoh tertentu supaya pembeli menyelesaikan urusan pinjaman. Bayaran deposit yang rendah ini membuka peluang kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah sendiri.

Rumah lelong juga sesuai untuk mereka yang berminat membuat pelaburan dalam bidang hartanah. Namun apapun, pembeli seharusnya membuat kajian terlebih dulu sebelum mula membida.

Bagi mereka yang ingin membeli rumah kedua, rumah lelong adalah yang paling sesuai kerana ia dijual pada harga berpatutan.



Kerjaya

Jawatan kosong dan latihan

Auto

Kereta, van dan motosikal

Hartanah

Pejabat, rumah dan sewabeli

Rumah untuk dilelong dan guaman

Rumah untuk dilelong dan guaman

Rumah, komersil dan hartanah



PROPERTY AUCTION HOUSE SDN. BHD.

Pelelong Berlesen

www.auctions.com.my

Iklan Lelongan

Untuk tempahan atau pertanyaan sifa hubungi:

S.K.LIM 012-2833345

GHANA 012-2316450

atau 319 TAMILA

ROZIE

GRACE

GHAURI

ditalian 03-2282 3380

fax 03-2282 2590 / 03-2282 2603